



**KENYATAAN AKHBAR  
TIMBALAN MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PROJEK PEMBANGUNAN DI NEGERI SEMBILAN**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Jabatan Kesihatan Negeri, (JKN) Negeri Sembilan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, *Rolling Plan* Ke-3 (RMK 11, RP3) telah memperuntukkan sejumlah RM 1,190 juta untuk projek-projek di Negeri Sembilan. Daripada jumlah tersebut, RM660 juta adalah bagi projek sambungan manakala RM530 juta adalah bagi projek baru.

Antara projek-projek dalam pelaksanaan termasuklah;

- Pembinaan Hospital Rembau, ~99% siap;
- Klinik Kesihatan Jenis 3 Nilai, ~94% siap;
- Klinik Kesihatan Jenis 5 Lenggeng, ~31% siap;
- Klinik Kesihatan Jenis 3 Palong 7&8, Jempol, ~9% siap dan;
- Klinik Kesihatan Jenis 4 dengan kuarter Rompin, Jempol, ~ di dalam proses tender.

Dua lagi projek yang akan dilaksanakan adalah pembinaan Blok Pakar Hospital Port Dickson dan pembinaan Blok Tambahan Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah.

JKN juga mencadangkan pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 2 di Bandar Baru Sendayan bagi menggantikan Klinik Kesihatan Sendayan yang lama (sejak 1974) yang tidak mampu lagi menanggung peningkatan jumlah pesakit yang datang.

KKM terus komited untuk mempertingkatkan kemudahan kesihatan untuk rakyat di Malaysia pada amnya dan Negeri Sembilan khususnya.

**DR. LEE BOON CHYE**  
**Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia**

**21 Mac 2019**